




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 370 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 20,792 kes. Hari ini tujuh (7) kes kematian dicatatkan iaitu tiga (3) di Daerah Sandakan, dua (2) di Kota Kinabalu dan masing-masing satu (1) di Tuaran dan Tawau. Takziah kepada semua ahli keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 967 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 2,992 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 753 orang di hospital dan 2,239 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 68 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Kunak bertukar dari zon merah ke zon jingga hari ini.

- 4 Pada hari ini, terdapat dua (2) kluster baharu direkodkan iaitu:
  - (i) Kluster Numbak di Daerah Kota Kinabalu sebanyak lapan (8) kes.
  - (ii) Kluster Nahaba di Daerah Kota Belud sebanyak 25 kes.
- 5 Daripada 370 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 131 kes (35.41%) adalah dari Daerah Tawau, Kota Kinabalu, Tuaran dan Sandakan yang berpunca dari saringan kontak rapat. Selebihnya iaitu 239 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 980 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 8,583 katil menjadikan jumlah keseluruhan 9,563 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.29%.

**B. PEMBUKAAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID BERISIKO RENDAH (PKRC) BAHARU DI KOTA KINABALU, TUARAN DAN TENOM**

- 1 Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sentiasa memantau keperluan pembukaan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid Berisiko Rendah (PKRC) yang baharu. Pengisian petugas kesihatan di PKRC yang baharu akan dibantu oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui mobilisasi sumber manusia ke Negeri Sabah. Tiga lagi PKRC baharu telah dibuka di Negeri Sabah iaitu masing-masing terletak di Daerah Kota Kinabalu, Tuaran dan Tenom.
- 2 PKRC baharu di Kota Kinabalu terletak di Kompleks Penjara Kepayan (khas untuk banduan) yang mempunyai kapasiti 120 katil. Manakala, di Daerah Tuaran terletak di Dewan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang boleh memuatkan 60 katil. Bagi Daerah Tenom, ia terletak di Dewan Masyarakat Tenom yang boleh memuatkan 48 katil.
- 3 Pembukaan PKRC baharu ini diharapkan dapat menampung pertambahan pesakit di daerah-daerah yang terlibat. Secara keseluruhannya, Sabah mempunyai 34 buah PKRC iaitu 20 buah di Bahagian Pantai Barat dan 14 buah lagi di Bahagian Pantai Timur Sabah.

**C. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI SELURUH NEGERI SABAH**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah mengumumkan pelaksanaan PKPB di seluruh negeri Sabah bermula 13 Oktober 2020 dan akan berakhir 9 November 2020.
- 2 Atas cadangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) memutuskan agar PKPB di seluruh Negeri Sabah dilanjutkan sehingga 6 Disember 2020.

**D. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PANGSAPURI MUTIARA KASIH DAN TAMAN KHAZANAH INDAH, LAHAD DATU**

- 1 Kerajaan juga sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah, Lahad Datu bermula 13 Oktober 2020 sehingga 26 Oktober 2020 yang kemudian dilanjutkan lagi sehingga 9 November 2020.
- 2 Sehingga kini, berdasarkan penilaian risiko yang dijalankan oleh KKM, masih terdapat peningkatan kes positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti ini.
- 3 Atas nasihat KKM, Sidang Khas hari ini bersetuju untuk melanjutkan lagi PKPD di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah, Lahad Datu selama 14 hari bermula 10 November 2020 sehingga 23 November 2020.

**E. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KG SABAH BARU, LAHAD DATU**

- 1 Sidang Khas MKN hari ini turut mendengar pembentangan MKN Sabah berkenaan situasi semasa COVID-19 di Kg. Sabah Baru, Lahad Datu.
- 2 Atas nasihat serta penilaian risiko yang dijalankan oleh KKM, Sidang Khas hari ini bersetuju melaksanakan PKPD di Kg Sabah Baru, Lahad Datu berkuatkuasa 10 November 2020 sehingga 23 November 2020.
- 3 PKPD ini akan melibatkan 701 buah rumah dengan bilangan penduduk seramai 3,917 orang.
- 4 SOP PKPD ini sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, kedai runcit dibenarkan beroperasi dari jam 6.00 pagi sehingga jam 6.00 petang, pasar dibenarkan beroperasi selama dua (2) kali seminggu bermula 6.00 pagi sehingga 2.00 petang bagi memberi peluang kepada penduduk membeli barang keperluan asas.
- 5 Selain itu, seorang wakil daripada setiap keluarga dibenarkan untuk keluar daripada kawasan PKPD untuk mengeluarkan duit daripada mesin ATM / Bank.

**F. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI FELDA UMAS, TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Felda Umas, Tawau bermula 13 Oktober 2020 sehingga 26 Oktober 2020 yang kemudian dilanjutkan sehingga 9 November 2020.
- 2 Sehingga kini, berdasarkan penilaian risiko dan saringan yang telah dilaksanakan oleh KKM mendapati kes positif COVID-19 di kawasan ini telah menurun dan terkawal.
- 3 Sehubungan itu, atas nasihat KKM, Sidang Khas hari ini bersetuju agar pelaksanaan PKPD di Felda Umas, Tawau ditamatkan pada 9 November 2020 seperti yang dijadualkan.
- 4 Walau bagaimanapun, lokaliti ini masih tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seluruh Negeri Sabah yang sedang berkuatkuasa.

**G. SUMBANGAN AMANAH IKHTIAR MALAYSIA**

- 1 Amanah Ikhtiar Malaysia telah memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk bantuan kepada mangsa COVID-19 sebanyak RM50,000.00.
- 2 Kerajaan Negeri berharap lebih ramai Badan Bukan Kerajaan (NGO), Badan Berkanun dan orang perseorangan untuk tampil memberi sumbangan.

**H. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **150,763** bakul makanan telah diagihkan.

**I. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 66 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 40,261 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 170 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 43 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 64 hebahuan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.0%.

- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 33 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di empat (4) premis di tiga (3) buah daerah iaitu Sandakan, Tawau dan Tuaran.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 126 lokasi di 18 buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
09 November 2020